

# Orion Digital Studios lebar kepakaran

Hasil siri animasi 3D untuk pasaran tempatan, luar negara

JIKA sebut nama Orion Digital Studios Sdn Bhd, mungkin ramai yang tertanya-tanya bidang yang dikehendaki syarikat berkenaan, namun selepas 10 tahun berada dalam industri seni sudah banyak produk dihasilkan mereka.

Bermula pada 2007, Orion Digital Studios telah mendapat kepercayaan pelbagai pihak antaranya Saymohim Sdn Bhd, Adept Media Sdn Bhd dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk bekerjasama menghasilkan siri animasi.

Malah syarikat yang beroperasi di Taman Maju, Batu Pahat ini mengkorak selangkah lagi apabila mula menerbitkan sendiri siri animasi 3D untuk dipasarkan di dalam negara dan juga untuk pasaran antarabangsa.

Pengaruhnya, Mohd Khairil Bahrom berkata, Orion Digital Studios pada awalnya menumpukan pada penghasilan animasi 2D, terutamanya untuk visual berkomputer.

Bagaimanapun katanya, dengan perkembangan bidang animasi dan visual berkomputer, mereka mulai beralih kepada bentuk 3D, selain turut menghasilkan kesan khas berkomputer, visualisasi 3D dan realiti maya.

"Sebelum ini kami hasilkan siri animasi pendek 2D, tetapi kami mengubahnya kerana ramai pe-

nonton kini lebih meminati animasi dan visualisasi 3D serta visualisasi realiti maya (seperti benda sebenar).

"Syarikat ini digerakkan 12 orang pakar animasi, selain mendapat kepercayaan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk menghantar pelajar mereka menjalani latihan industri. Antaranya Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Kolej PolyTech Mara (KPTM)," kata dia kepada *Sinar Harian*.

## Dapat kepercayaan pelbagai syarikat

Antara produk yang dihasilkan menggunakan kepakaran syarikat Orion Digital Studios ialah siri animasi Awang Putra (13 episod), Pendekar 5 (13 episod), MATT (13 episod), MATT 2 (13 episod) dan Kampung Juara (3 episod).

Mohd Khairil berkata, beberapa syarikat terkenal negara juga permohon menggunakan khidmat mereka untuk menghasilkan iklan berbentuk animasi 3D untuk televisyen dan media sosial.

"Malah perkara yang menjadi kebanggaan kami ialah siri animasi yang kami hasilkan sebelum ini telah disiarkan di stesen televisyen negara iaitu RTM dan stesen televisyen di Indonesia, Trans TV," katanya.

## Hasil siri animasi sendiri

Pada 2016, Orion Digital Studios mendapat kepercayaan daripada SKMM untuk menghasilkan siri animasi terbaru melalui Dana Pembangunan Industri Kreatif (DIFD).

Menurut Mohd Khairil, idea untuk menghasilkan siri animasi berjulid Kembara Galaksi itu tumbul awal tahun lalu dan ia mula digerakkan beberapa bulan selepas itu.

Katanya, Kembara Galaksi



Mohd Khairil melihat pekerjaan menghasilkan animasi.

yang mengandungi 13 episod berdurasi 22 minit menggunakan resolusi definisi tinggi (HD) penuh 1900x1080 berjaya disiapkan Julai lalu.

"Bagi projek ini kami menggunakan 12 kakitangan (termasuk pakar animasi). Walaupun hanya menggunakan bakat tempatan, hasilnya cukup membanggakan."

"Hampir 97 peratus projek ini dihasilkan sendiri oleh syarikat kami, selebihnya seperti bakat suara kami gunakan khidmat dari para luar kerana penggunaan suara perlu sesuai dengan watak yang dihasilkan."

"Kami perlu menemui dua beberapa calon sebelum memperoleh bakat yang sesuai dengan watak yang ada dalam siri animasi tersebut," katanya.

## Pertama kali sumbang suara

Salah seorang yang menyumbangkan suara untuk siri Kembara Galaksi ialah Aisyah Nasuha Samsul, 13, yang memegang watak utama iaitu Izzah.

Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Aminah, Batu Pahat ini berjaya, dia mendapat galakan daripada kedua ibu bapanya, selain minatnya dalam bidang seni.

"Walaupun kali pertama sumbang suara untuk siri animasi, saya tetap berbangga kerana dapat bawaikan watak yang diberikan dengan baik."

"Mulanya memang gugup tapi saya kuatkan diri. Saya minat bidang seni sejak dari kecil lagi. Sebelum ini saya ada masuk teater di sekolah," katanya.

## Sinopsis Kembara Galaksi

BERKISARAKAN kepada pengembala dua beradik iaitu Izzah dan Imran bersama robot penjaga mereka bernama J-11 yang telah terseset ke sebuah galaksi asing yang jauh dari bumi.

Mereka mengembala mencari jalan pulang ke bumi, di temani Oju iaitu makhluk asing

yang ingin membantu mereka.

Bagaimanapun, mereka telah menjdi buruan pasukan tentera Jumba yang diketuai Jeneral Namra.

Dapatkah mereka ini kembali ke bumi? Ikuti siri animasi ini yang bakal ditayangkan di ZigZagTV.com.



Orion Digital Studios menggunakan sepenuhnya tenaga kerja anak tempatan.



J11, salah satu watak dalam siri animasi Kembara Galaksi.